

HASIL/2024/02/29 -12

PERKHIDMATAN E-FILING BAGI TAHUN TAKSIRAN 2023

DIBUKA MULAI 1 MAC 2024

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dengan ini memaklumkan bahawa pengemukaan Borang Nyata (BN) **Tahun Saraan 2023** dan **Tahun Taksiran 2023** melalui **e-Filing** bagi Borang **E, BE, B, M, BT, MT, P, TF** dan **TP** boleh dilakukan **mulai 01 Mac 2024**.

HASiL telah menguatkuasakan pengemukaan BN secara mandatori menggunakan perkhidmatan yang disediakan secara dalam talian atau e-Filing melalui gerbang perkhidmatan Portal MyTax mulai 1 Januari 2024. Pembayar cukai dan majikan boleh mengakses perkhidmatan ini secara terus ke portal MyTax <https://mytax.hasil.gov.my/> atau melalui portal rasmi HASiL <https://www.hasil.gov.my/> > **MyTax > Perkhidmatan ezHasil > e-Filing**. Manakala bagi Ejen Cukai pula hendaklah menggunakan perkhidmatan Tax Agent e-filing System (TAeF) versi 2.0 menerusi capaian <https://taef.hasil.gov.my/> bagi tujuan ini.

Pembayar cukai boleh membuat persediaan awal dengan mengumpul dokumen seperti penyata pendapatan, resit, invois dan lain-lain dokumen berkaitan cukai pendapatan untuk memfailkan BN Tahun Taksiran 2023.

Pembayar cukai berdaftar yang log masuk kali pertama ke MyTax perlu mengaktifkan Sijil Digital Individu terlebih dahulu yang boleh dijana melalui Portal **MyTax > Pilih Jenis Pengenalan > No. Pengenalan > Hantar** dan pilih e-KYC (telefon pintar) atau e-CP55D (komputer/komputer riba/telefon pintar).

Bagi pembayar cukai yang memilih menu **e-KYC**, aplikasi MyTax perlu dimuat naik di telefon bimbit bagi tujuan pengesahan identiti berdasarkan padanan dokumen pengenalan dan swafoto melalui telefon pintar.

Manakala melalui menu **e-CP55D**, pembayar cukai perlu melengkapkan permohonan bagi log masuk kali pertama secara dalam talian dengan memasukkan alamat e-mel aktif berserta muat turun dokumen pengenalan. Pautan pengaktifan akan dihantar ke e-mel berdaftar pembayar cukai sekiranya pendaftaran berjaya.

Sekiranya pembayar cukai terlupa kata laluan, tindakan set semula kata laluan boleh dilakukan dengan log masuk ke Portal **MyTax > Pilih Jenis Pengenalan > No. Pengenalan > Hantar > Lupa Kata Laluan** dan pilih medium set semula. Pautan untuk membina kata laluan yang baharu akan dihantar ke e-mel berdaftar pembayar cukai.

Sekiranya pembayar cukai masih menghadapi masalah berhubung kata laluan pembayar cukai boleh merujuk kepada panduan terlupa kata laluan yang disediakan di Portal MyTax atau menghubungi Hasil Contact Centre di talian 03-8911 1000 (Dalam Negara) / 603-8911 1000 (Luar Negara) dan HASiL Live Chat.

Melalui MyTax, pembayar cukai juga boleh membuat semakan status penghantaran BN, bayaran balik, kedudukan e-Lejar dan maklumat Potongan Cukai Bulanan (PCB). Maklumat lanjut berkenaan Program Memfail BN Bagi Tahun 2024 boleh dirujuk di portal rasmi HASiL atau klik pada pautan berikut untuk capaian pantas:

Versi Bahasa Malaysia:

<https://www.hasil.gov.my/media/5u5aympa/program-memfail-borang-nyata-tahun-2024.pdf>

Versi Bahasa Inggeris:

<https://www.hasil.gov.my/media/fw2jk2fd/rf-filing-programme-for-the-year-2024.pdf>

Pembayar cukai turut dinasihatkan untuk mengemukakan BN dan membayar cukai pendapatan mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan seperti yang berikut:

Bil.	Jenis Borang	Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Akhir Pengemukaan BN (*)
1.	e-E	Majikan Syarikat / Syarikat Labuan dan Majikan BUKAN Syarikat / Syarikat Labuan	31 Mac 2024
2.	e-BE	Individu Pemastautin yang TIDAK menjalankan perniagaan	30 April 2024
3.	e-B	Individu Pemastautin yang menjalankan perniagaan	30 Jun 2024
4.	e-P	Perkongsian	
5.	e-BT	Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran / Bukan Warganegara Memegang Jawatan Utama)	TIDAK menjalankan perniagaan: 30 April 2024
6.	e-M	Individu Bukan Pemastautin	



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia

Bil.	Jenis Borang	Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Akhir Pengemukaan BN (*)
7.	e-MT	Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)	Menjalankan perniagaan: 30 Jun 2024
8.	e-TF	Pertubuhan	
9.	e-TP	Harta Pusaka	
10.	TJ	Keluarga Sekutu Hindu	

(*) Tambahan masa bagi pengemukaan BN secara e-Filing:

- i. e-E – 1 bulan
- ii. Selain e-E dan TJ – 15 hari

Kegagalan mengemukakan BN dan melaporkan pendapatan sebenar dalam tempoh yang dibenarkan boleh dikenakan tindakan di bawah subseksyen 112(1) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 seperti yang berikut:¹

Jenis Kesalahan	Peruntukan Di Bawah ACP 1967	Jumlah Denda (RM)
Gagal menyerahkan BN untuk mana-mana satu tahun taksiran atau memberi notis pengenaan cukai bagi individu yang baru tiba di Malaysia	112(1)	200.00 hingga 20,000.00 / Penjara tidak melebihi 6 bulan / Kedua-duanya

Sekiranya pembayar cukai lewat mengemukakan BN, pengenaan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 adalah berdasarkan tempoh kelewatan selepas tarikh akhir pengemukaan BN seperti yang berikut:²

Bil.	Tempoh Lewat	Kadar penalti (%)
1.	Sehingga 12 bulan	15
2.	Melebihi 12 bulan hingga 24 bulan	30

¹ <https://www.hasil.gov.my/perundangan/kesalahan-denda-dan-penalti/>

² Garis Panduan Operasi Bilangan 5/2019 https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/GPO_5_2019.pdf

Bil.	Tempoh Lewat	Kadar penalti (%)
3.	Melebihi 24 bulan	45

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 29 Februari 2024